

PANDANGAN KAMI

Elak 'bersilat' sesama sendiri

KIRA-KIRA 300 orang aktivis silat akan berseminar hari ini untuk mengatur langkah masa depan seni budaya Melayu itu. Tema seminar anjuran Persekutuan Silat Singapura (Persisi) itu, 'Silat: Tahap Selanjutnya', jelas menarik kerana ia bertepatan sekali dengan wawasan Singapura tahun 2000. Secara kebetulan atau tidak, satu lagi seminar silat dengan tema yang hampir sama, akan diadakan pada Ahad depan oleh Persatuan Wanita dan Teruna (Perwanit).

Kedua-dua persatuan itu tentulah mempunyai sebab tertentu kenapa mereka lebih senang mengadakan seminar berasingan. Apa pun alasannya, persoalan yang timbul dalam fikiran ramai ialah apa perlunya mengadakan dua seminar dalam seminggu yang membincangkan tema yang sama? Tidakkah lebih baik sekiranya kedua-dua buah persatuan itu berpadu tenaga dalam mengatur jurus demi masa depan silat tanah air?

Berita Minggu

Persisi selaku badan induk kumpulan-kumpulan silat di sini, sewajarnya menggembeng tenaga pesilat tanah air. Ia juga harus menunjukkan arah masa depan kumpulan-kumpulan silat setempat. Bagaimanapun, langkah Perwanit di bawah pucuk pimpinan Encik Johari Uriff, bekas setiausaha agung Persisi, menganjurkan seminarnya sendiri membayangkan seolah-olah terdapat semacam persaingan antara dua persatuan itu.

Tidak semua persaingan itu tidak sihat. Bagaimanapun, bagi kegiatan silat setempat yang sememangnya kecil dari segi jumlah pengikutnya, logistik dan sumber-sumber lain, persaingan ini jelas satu pembaziran. Sebaliknya jika kedua-dua persatuan itu bekerjasama, banyak faedah boleh diraih. Adalah menjadi harapan masyarakat agar seni silat Melayu terus dipertingkatkan dan diperkembangkan. Justeru itu, strategi menyeluruh jangka pendek dan jangka panjang harus difikirkan untuk menjadikan silat sebagai satu jenis sukan yang digemari oleh generasi muda Melayu. Matlamat ini hanya akan berjaya jika para aktivis silat kita menunjukkan komitmen dan kerjasama erat. Mereka tidak mampu berpecah belah, jauh sekali 'bersilat' sesama sendiri. Langkah mereka harus teratur kerana jika tersilap langkah tentu akan membawa padah, bukan saja kepada mereka, malah kepada perpaduan masyarakat umumnya.

20 OCT 1991